



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 6 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK & NELAYAN KE 45 TAHUN, HPPNK, SH -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
2.	CABARAN MERUBAH REALITI, HPPNK, SH -6	
3.	HIKMAH COVID-19, HPPNK, SH -7	
4.	25,000KG BAJA TIADA PERMIT IMPORT, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	MADU KELULUT MAMPU CEGAH KENCING MANIS, DALAM NEGERI, UM -13	LAIN-LAIN
6.	FGV SASAR HASILKAN SEJUTA PISANG KLOK BERKUALITI TINGGI TAHUN DEPAN, BISNES SINAR, SH -32	
7.	HARGA CILI MERAH MELAMBUNG RM30 SEKILO, DALAM NEGERI, UM -30	
8.	KUBANG PASU FOLK UNDER TEMCO APPEAL FOR FOOD AID, NATION/NEWS, NST -5	
9.	PENDUDUK HARAP BANTUAN MAKANAN, NASIONAL, BH -6	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

SINAR HARIAN • KHAMIS 6 OGOS 2020



TARIKH  
**6**  
OGOS

Sempena pelancaran penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein pada 13 Ogos 1973, Perdana Menteri Malaysia Kedua telah mengisyarkan tarikh 6 Ogos setiap tahun sebagai Hari Peladang.

## HARIINI DALAM SEJARAH

Pada hari ini dalam tahun 1975, YAB Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein merasmikan perayaan Hari Peladang Kebangsaan yang pertama di Perkongsian Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Tunut hadir dalam majlis sambutan Lemahaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafur Bahau Penggawai LPP Dato' Haji Mustafa bin Jaber dan Ketua Pengarah LPP Encik Ahmad Saqib bin Abdul Hamid. Pada majlis perayaan itu, turut berlangsung upacara penyampaian hadiah kepada Kopraasi-kopera Peladang dan Peladang Jaya dan penerima pertandingan.

Dalam ucapan perasmian, Perdana Menteri mewajihkan empat perkara penting bagi kemajuan peladang-peladang iaitu:

KOPERAISI PELADANG MENYEDAKAN RANCANGAN-RANCANGAN BASI MURULIKAN SAVAH DAN DUSUN DAN MENGUSAHKAN TANAH-TANAH.

DASAR KREDIT PERTANIAN DIRUBAH SUAPYA LEBIH RAMAI PELADANG MENERIMA BANTUAN KREDIT DARABA'DA INSTITUSI KREDIT KERAJAAN DAN SWASTA.

MENJERJUHKAN KOPERAISI YANG DIJALIKI OLEH PELADANG KHASIUSWA UNTUK PENGELARAN ALAT-ALAT KEJENTERAAN.

KOPERAISI-KOPERAISI DI RANGKAI BERSEDAI MEMAMPUNG HASI PERTANIAN KELUARAN DELAMOGAN PADA MENDAPAT PASARAN YANG LEBIH BAIK.

Perayaan Hari Peladang yang telah diselotul setiap tahun merupakan tanda penghargaan kerjasama terhadap sumbangsih peladang kepada kepentingan sosial dan ekonomi negara.

Sirip: Abdul Rahman Johari / Arkiv Negara Malaysia

“  
Saya gembira menggunakan tarikh 6 Ogos tiap-tiap tarus hendaklah dipandikan sebagai Hari Peladang yang boleh dimasya'uk oleh peladang-peladang di seluruh negara. Tarikh 6 Ogos ini ialah sempena GERAKAN PEMBAHARUAN di Dewan tuhan lepas dan saya berharap Hari Peladang ini akan menjadi suatu hari yang membentuk arah matlamat kepada kaum tanah kita dan rakyat amnya.”

ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN  
Perdana Menteri Malaysia  
Pekan amatan kerajaan perasmian pertubuhan LPP pada 13 Ogos 1973.

## EVOLUSI HARI PELADANG

**1982**

Sekitar tarikh itu, kerajaan telah mengadakan

Perayaan Hari Peladang setiap tahun sebagai tanda penghormatan terhadap para peladang, penternak dan nelayan yang telah membantu dalam memperkuat dan membangunkan ekonomi Negara. Janya dinamakan Hari Peladang sehingga tahun 1982.

Pada tahun 1983, Hari Peladang telah ditetapkan sebagai Hari Peladang dan Nelayan dan kemudian pada tahun 1986 dengan perintah penternak, perayaan tersebut ditukar kepada Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) dan ia itu turut kekal sehingga ke hari ini.

Pada tahun 2000, perayaan tersebut diperluaskan lagi dengan pernyerataan sektor swasta dan pameran bertaraf dunia, di mana HPPNK telah dilengkapi dengan MAHA iaitu "Malaysian Agriculture, Horticulture and Agroforestry Show" bagi menunjukkan sektor pertanian yang semakin berjaya kepada pembangunan ekonomi negara.

**2000**

1975 1976 1977 1978 1979 1980 1981 1982 1983 1984 1985 1986 1987 1988 1989 1990 1991 1992 1993 1994 1995 1996 1997 1998 1999 2000 2001 2002 2003 2004 2005 2006 2007 2008 2009 2010 2011 2012 2013 2014 2015 2016 2017 2018 2019

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DILAKUKAN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

HARI PELADANG DAN NELAYAN PERTAMA KALI DIHOLD DI BANGUNAN PARLIMEN

## MATLAMAT

Mengupas semasa dan masa perbelahan zaman peladang, penternak dan nelayan untuk kelebihan diri, kerjasama keluarga dan keseimbangan Negara.

Menggalakkan masyarakat peladang, penternak dan nelayan supaya bersatu dan berdaya dalam pergerakan pertubuhan peladang bagi memberi tali kasih.

Mendidik dan meningkatkan pengalaman peladang, penternak dan nelayan serta berasa bagi mempunyai teknologi baru dan fungsi jabatan dan agensi kerajaan dalam usaha pertanian, peladang, penternak dan nelayan ka-arah pemodenan dan transformasi peratusan.

Melaksanakan kualifikasi dan kelebihan teknologi peladang, penternak dan nelayan melalui perpaduan peladang dalam pembangunan negara.

Melaksanakan dan mempromosikan hasil-hasil pertanian supaya mendapat pasaran yang besar dan stabil di dalam dan luar negara.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

## KRONOLOGI LOKASI SAMBUTAN HARI PELADANG

SUMBER : LPP, MALAYSIA

**Selamat Hari  
PELADANG, PENTERNAK  
& NELAYAN | 6 OGOS 2020**

KE-  
**45**  
MAHYUZ



Hari Peladang, Pernternak & Nelayan Kebangsaan

Muzukmalan Peladang Negeri

SOSEN 1975

www.maff.gov.my



*Selamat Ulang Tahun 6 Ogos*  
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN

No 45



## Cabarani merubah realiti

Tarikh 6 Ogos setiap tahun telah diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Hari ini merupakan hari pengiktirafan dan penghormatan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara.

Pada tahun 1975, perayaan sambutan tersebut telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak Hussein di pekarangan Parlimen. Tarikh 6 Ogos pada tahun ini merupakan tahun ke-45 penganjurannya.

Pengiktirafan itu membuktikan keperluan kerajaan terhadap usaha peladang, penternak dan nelayan memainkan peranan melonjakkan pelbagai aktiviti demi mengeluarkan bahan makanan serta memajukan sektor pertanian Malaysia.

Cabarani bagi kita sekarang adalah untuk memastikan berlakunya satu perubahan dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan memanfaatkan teknologi pertanian serta inovasi moden demi memastikan peladang, penternak dan nelayan meningkatkan pendapatan, selain membantu menstabilkan harga barang dan seterusnya mengurangkan keperluan import negara.

Bekalan makanan yang terjamin adalah penting untuk kelangsungan hidup rakyat.

Kita telah melihat bagaimana Malaysia berhadapan dengan krisis pandemik koronavirus (Covid-19).

Sesungguhnya kita amat bersyukur dan bertuah kerana ketika negara lain berhadapan dengan krisis kekurangan makanan dan terputus bekalan makanan tetapi di Malaysia stok dan bekalan makanan kita sentiasa stabil serta terjamin.

**'Jerih payah mereka dihargai'**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa ke hadapan bagi memastikan sektor pertanian menjadi sektor yang lebih dinamik, inovatif, kompetitif dan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

La sejarah dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan industri pertanian yang lestari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan memberi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Dr Nik Muhammad Zawawi Salieh berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat aktiviti pertanian dan industri makanan dinsahkan rakyat secara bersepada, dikomersialkan serta menjadi sumber pendapatan utama, sekali gus dapat meningkatkan pendapatan negara.

"Dalam sektor pertanian, LPP sangat menitikberatkan penggunaan teknologi dalam kalangan masyarakat peladang. Penggunaan teknologi men-



Hasil pertanian yang diusahakan golongan peladang mampu menjadikan bekalan makanan negara.

jadikan pertanian lebih mudah, meningkatkan kecekapan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil.

"Penggunaan teknologi menjadikan bidang pertanian bukan lagi pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Danger and Difficult*). LPP sentiasa menyokong penggunaan teknologi melalui galakan dan pendedahan teknologi baru.

"LPP tidak bertindak secara silo,

sebaliknya bekerjasama dengan jabatan dan agensi lain dengan bermatlamat golongan peladang mendapat input dan perkhidmatan yang terbaik.

"Saya percaya tarikh 6 Ogos dihayati pada setiap tahun untuk memberi semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana ia adalah tanda penghargaan kepada mereka yang telah berkecimpung dalam bidang pertanian," katanya.

Jentual laju jentora khas untuk pesawat adalah salah satu inisiatif untuk memudahkan mereka meningkatkan pengeluaran hasil pedi di Malaysia.



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

6/8/2020

SINAR  
HARIAN

HPPNK

7

SINAR HARIAN • KHAMIS 6 OGOS 2020

Selamat Ulang Tahun **6 Ogos**  
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN  
ke 45



Azulita (kiri) dan Nik Muhammad Zawawi (kanan) menunjukkan buah durian hasil titik puluh peladang di ladang durian PPK Jelebu, Negeri Sembilan.



Golongan  
nelayan turut  
mendapat  
perhatian dan  
inisiatif  
kerajaan.

## Hikmah Covid-19

PENULARAN wabak virus Covid-19 memberi kesan kepada ekonomi negara. Pengumuman Paket Rangsangan Ekonomi oleh Pendana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk industri pertanian dan makanan mampu memberi nafas baharu kepada pemain industri pertanian.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Azulita Salim berkata, LPP telah menerima jumlah peruntukan Paket Rangsangan Ekonomi keseluruhan sebanyak RM51.567 juta demi membantu masyarakat peladang.

Sepanjang tempoh PKP, LPP telah melaksanakan konsep jualan dan pengedaran di 250 outlet peruncitan terpilih secara berperingkat di seluruh negara.

Katanya, bagi memastikan kelangsungan dan memperceka pengedaran bekalan makanan, MAFI telah mewujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) yang dilaksanakan oleh LPP dan FAMA. Sebanyak 42 PST Peladang dilaksanakan oleh LPP.

Sehingga kini, PST Peladang mendapat perhatian dan tumpuan dalam kalangan penduduk setempat kerana memasarkan barang basah serta segar seperti ayam, daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan pelbagai produk industri asas tanah dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya percaya kerajaan telah melakukan sebaiknya bagi membantu memasarkan hasil pengeluaran peladang, peternak dan nelayan.

"Jabatan dan agensi di bawah kerajaan kini berusaha memastikan supaya tiada lambakan berlaku dan rakyat serta golongan peladang, peternak dan nelayan mendapat manfaat sebaiknya sepanjang tempoh PKP," kata Azulita.



Azulita memegang anak kambing ketika lawatan ke kandang ternakan di Projek Korporat PPK Kuala Selangor.



Peternak berjaya  
tingkatkan kualiti  
ternakan, sekali  
gus mampu  
menjana  
pendapatan yang  
tunayan.

# 25,000kg baja tiada permit import

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas 25,000 kilogram (kg) baja organik bernilai RM43,426.30 yang dibawa masuk dari China melalui Pelabuhan Klang Utara dekat sini, akhir Julai lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Dr Tarmisal Alimin, berkata pemeriksaan pihaknya mendapati baja organik berkenaan tidak mempunyai permit import yang dikeluarkan oleh jabatan itu.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import sah dikeluarkan MAQIS

adalah kesalahan mengikut Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11 (3) akta sama.

"Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihak MAQIS menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan pengimport mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan.

# Madu kelulut mampu cegah kencing manis

**KUALA LUMPUR:** Rahsia amalan ‘orang lama’ yang menggunakan madu kelulut untuk mencegah kencing manis kini terbongkar dan terbukti berkesan secara saintifik.

Hasil kajian terbaru dijalankan Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Norhasnida Zawawi mendapati, madu kelulut mengandungi gula trehalulosa, gula dengan indeks glikemik rendah (GI) yang boleh mencegah kencing manis jika dimakan dengan jumlah sepatutnya.

“Kami menguji madu dari dua spesies lebah asli Malaysia (*Heterotrigona itama* dan *Genotrigona thoracica*), dua Australia (*Tetragonula carbonaria* dan *Tetragonula hockingsi*) dan satu Brazil (*Tetragonisca angustula*) dan mendapati 13 sehingga 44 gram gula trehalulosa dalam semua madu itu.

“Bukannya gula maltosa seperti yang difikirkan sebelum ini,” katanya dalam satu kenyataan.

Norhasnida menjalankan kajian tersebut bersama pensyarah



**DR. NORHASNIDA ZAWAWI** (kiri) melihat sarang lebah kelulut di Ladang 10, UPM, Serdang, Selangor. - IHSAN UPM

Universiti Queensland, Australia, Prof. Madya Dr. Mary Fletcher dan ahli kumpulan penyelidikan lain di makmal Perikatan Pertanian dan Inovasi Makanan Queensland.

Ia juga mendapati madu kelulut yang dikaji di Malaysia daripada spesies *G. Thoracica* mempunyai kandungan gula trehalulosa paling tinggi iaitu 84 peratus daripada keseluruhan berat madu.

Dr. Norhasnida berkata, sebelum ini masyarakat Malaysia menggunakan madu kelulut secara tradisional untuk pesakit diabetes tetapi dari segi sains belum dapat membuktikan dengan jelas faktor yang boleh menyebabkan kesan itu.

“Sekarang kita tahu nilai GI madu yang lebih rendah ini boleh menjadi satu daripada faktor yang menyumbang kepada tuntutan itu,” katanya.

## FGV sasar hasilkan sejuta pisang klon berkualiti tinggi tahun depan

FGV Holdings Berhad (FGV) menyasarkan untuk menghasilkan sejuta variasi pisang klon berkualiti tinggi menjelang 2021, sekali gus memenuhi sekitar 30 peratus permintaan dalam negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, sasaran itu merupakan peningkatan 100 peratus daripada pengeluaran semasa untuk memenuhi pasaran, khususnya pisang segar dan industri makanan berdasarkan pisang.

“Kualiti tinggi benih pisang klon kami terbuktikan dengan lebih daripada enam juta ramet pisang berangan terjual antara 2007 hingga Julai 2020.

“Kejayaan ini menjadikan FGV sebagai pengeluar benih pisang klon



Anak pokok pisang klon FGV tersedia untuk pembelian pukal di lima tapak semaihan dan outlet yang terletak di Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Johor dan Sabah.

terbesar di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Beliau berkata, Pusat Inovasi FGV yang terletak di Bandar Enstek, Negeri Sembilan menghasilkan pisang klon untuk memenuhi permintaan industri sawit ketika tempoh tanam semula dan petani pisang di negara ini.

Katanya, anak pokok pisang klon FGV merangkumi variasi tanduk, lang, nipah, nangka, rastali, mas dan lemak manis.

“Ia tersedia untuk pembelian pukal di tapak semaihan Bandar Enstek; Trolak, Perak; Jerantut, Pahang; Bukit Tongkat, Johor dan Lahad Datu, Sabah,” katanya.

Bekalan kurang, permintaan tinggi

# Harga cili merah melambung RM30 sekilo

Oleh MOHD. HAFIZ ABD.

MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Mencecah RM30 sekilogram. Itu harga pasaran semasa cili merah yang dikatakan berpunca kekurangan bekalan bagi menampung permintaan tinggi di negeri ini.

Kenalikan meridaak sehingga sekali ganda itu dikatakan berlaku sejak awal bulan lalu sejurus selepas kerajaan melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selain faktor pemborong masih tidak dapat mengimport barang basah itu dari Thailand.

Seorang peniaga pasar pagi di sini, Farizal Rawi, 34, berkata, dia tidak ada pilihan selain menjual cili merah itu pada harga RM30 sekilogram memandangkan modalnya sahaja antara RM22 sehingga RM28.

Katanya, harga itu menyebabkan dia hanya mengambil bekalan barang basah tersebut sekitar lima kilogram sehari.

"Masalah kekurangan bekalan cili merah menjadi punca kenaikan harga. Lagi pun pemborong masih tidak boleh import cili merah dari Thailand berikutan pandemik Covid-19 menyebabkan kita hanya bergantung kepada bekalan cili tempatan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Buahari Ibrahim, 40, berkata, dia tidak berani menjual cili merah kera-



**HARGA** cili merah mencecah RM30 sekilogram di Pasar Pagi Arau, Perlis, semalam.- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

na harga terlalu tinggi sekali gus bakal membebankan pengguna.

"Sebelum ini, harga cili merah sekitar RM15 sekilogram dengan modal hanya RM10 (sekilogram). Tak berani saya

hendak jual, harga sekarang terlalu tinggi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Azi-

zan Sulaiman yang melakukan tinjauan di Pasar Besar Arau dan pasar pagi di sini berkata, masalah kekurangan bekalan menjadi antara punca kenaikan harga itu.

## FOUR SUB-DISTRICTS

# Kubang Pasu folk under TEMCO appeal for food aid

**KUBANG PASU:** Napoh residents, especially those in the low-income group, hope the government can provide food aid as they are unable to earn a living due to the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO).

Checks showed that many of them, who work as rubber tappers and farmers, are abiding by TEMCO measures, which require them to stay at home and wear the pink wristband.

Bunga Ali, 56, said she was hoping for basic food items to be provided as the family relied on her husband's income of RM1,200 a month.

"My husband works as a gardener at a factory and we have two schoolgoing children."

"We have bought food for the family, but we are not sure if it can last for two weeks," she said, adding that the whole family had the pink wristbands on.

"My husband was identified as a close contact as he had been to

the eatery in Napoh." Bunga said she hoped the government could provide food aid to residents.

Azlina Ibrahim, 45, said her husband worked as a rubber tapper and helped in a padi field. He has a monthly income of RM800.

"Although we have stocked up on food, we are not sure if it can last long."

"We hope the government can help us because we have four schoolgoing children."

"If TEMCO continues after this, we will be badly affected." Checks at sundry shops in Napoh showed that bread had run out since yesterday.

Trader Sri Thran Nadaraja, 38, said demand for bread had increased following the spread of Covid-19 from the Sivagangga cluster there.

"It has been a few days since the last visit from our bread supplier. We understand that some lorry drivers (from the supplier) have



Sundry shops in Napoh, Kubang Pasu, Kedah, have run out of bread.

PIC BY AMRAN HAMID .

been ordered to undergo quarantine. "As for other food items, my shop has them."

"There has been no panic buying and only head of families can go out to get food."

Four sub-districts in Kubang Pasu and Padang Terap, Kedah have been placed under TEMCO from Aug 3 to Aug 30. Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri

said the measures were enforced following reported Covid-19 cases there from the Sivagangga cluster.

The areas under TEMCO are within a 1km radius from Restoran Nasi Kandar Salleh in Pekan Napoh (Hosba sub-district), Kampung Pida Satu, Megat Dewa, Kampung Bendang Dalam (Binjal sub-district), Kampung Ulu and Padang Sanai (Padang Terap).

Penularan COVID-19

# Penduduk harap bantuan makanan

Kebanyakan penoreh, petani di Napoh akur arahan TEMCO jalani kuarantin

Oleh M Hizuzzdin Ikhwan dan Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Kubang Pasu:** Penduduk sekitar Napoh terutama yang berpendapatan rendah, berharap kerajaan menyalurkan bantuan makanan kerana mereka tidak dapat bekerja susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) di pekan itu.

Tinjauan mendapat, rata-rata mereka yang bekerja sebagai penoreh dan petani akur dengan arahan TEMCO dan terpaksa menjalani kuarantin di rumah selepas dipakaikan gelang merah jambu.

Penduduk, Bunga Ali, 56, berharap bantuan makanan asas dapat diberikan kerana dia hanya bergantung pada gaji suami RM1,200 sebulan.

"Kami sekeluarga dipakaikan gelang merah jambu, suami hanya menjadi tukang kebun di kilang dan gajinya diguna menganggung dua anak yang masih bersekolah sebelum berlaku wa-

bak COVID-19.

"Suami pula antara kontak rapat kerana pernah singgah membeli makanan di restoran nasi kandar di Napoh. Kami ada membeli bekalan makanan untuk keluarga, tetapi tidak pasti sama ada ia cukup selama dua minggu atau tidak," katanya ketika dilhubungi di sini, semalam.

Bunga yang memakai gelang merah jambu semalam, berkata dengan sumber kewangan terhad, dia berharap kerajaan menyalurkan bantuan bagi meringankan beban mereka sekeluarga.

Seorang lagi penduduk, Azlina Ibrahim, 45, berkata suaminya bekerja sebagai penoreh, selain menggunakan sawah dengan pendapatan RM800 sebulan.

"Kami ada bell stok makanan, tetapi tak banyak dan sekarang sumber pendapatan suami terputus, saya harap kerajaan lihat nasib kami dan empat anak yang masih bersekolah.

"Jika perintah TEMCO ini disambung lagi selepas ini, ia akan memberi kesan besar buat keluarga saya," katanya.

Sementara itu, tinjauan di kedai runcit sekitar Napoh mendapat kebanyakan bekalan roti kehabisan sejak kelmarin.

Peniaga Sri Thraun Nadaraja, 38, berkata permintaan terhadap roti meningkat selepas berlaku penularan COVID-19 daripada Kluster Sivagangga.

"Sudah beberapa hari pembekal tidak hantar roti apabila ada pe-



Bekalan roti di kedai runcit hampir kehabisan di Taman Sri Hosba berikutan pelaksanaan PKPD TEMCO di Kubang Pasu.

mandu lori turut dikuarantin setiap permintaan terhadap roti semakin meningkat kerana ramai penduduk tidak dapat keluar ke mana-mana.

"Bekalan barang keperluan lain di kedai saya mencukupi kerana tiada belian panik dilakukan penduduk, lagipun hanya ketua keluarga dibenarkan keluar membeli bekalan makanan," katanya.

Isnin lalu, kerajaan mengumumkan pelaksanaan TEMCO di empat Mukim, iaitu Mukim Hosba, Mukim Ah. Mukim Binjal (Padang Terap) dan Kampung Ulu, Padang Sanai (Padang Terap) susulan penularan wabak COVID-19.

**Kami ada beli stok makanan, tetapi tak banyak dan sekarang sumber pendapatan suami terputus, saya harap kerajaan lihat nasib kami dan empat anak yang masih bersekolah.**

**Bunga Ali,  
Penduduk**

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, memberi jaminan penduduk terjejas akibat pelaksanaan TEMCO akan menerima bekalan makanan secukupnya sepanjang tempoh berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri dalam proses mengenal pasti jumlah keluarga di empat mukim yang terbatib dengan TEMCO, terutama dalam kelompok B40.

Katanya, bagi memastikan stok makanan tidak terputus, pihaknya juga meminta syarikat makanan meningkatkan bekalan ke kawasan terbatib sehingga 30 Ogos ini.

"Kita faham penduduk di kawasan TEMCO tertekan, jadi kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan bagi menyediakan bekalan makanan secukupnya kepada mereka.

"JKM Kedah berusaha mendapatkan butiran lanjut dan jumlah keluarga yang tidak dapat keluar bekerja. Kita anggarkan lebih 2,000 keluarga akan mendapat bantuan," katanya pada sidang media di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Mengulas kekurangan bekalan roti di Napoh, beliau menjelaskan prosedur operasi standard (SOP) membenarkan barang runcit dan makanan kering terus dihantar ke kawasan TEMCO.

"Kita akan minta pembekal tambah bekalan roti ke kawasan terbatib kerana perkhidmatan dan barang penting masih dikehendaki seperti biasa.

"Namun, kita minta penduduk Napoh dan mukim lain patuh SOP ditetapkan termasuk hanya seorang wakil keluarga dibenarkan keluar membeli makanan dan barang keperluan lain," katanya.

Sementara itu, penduduk berhampiran kawasan TEMCO yang bimbang untuk menghantar anak mereka ke sekolah diminta membuat surat permohonan tidak menghantar anak ke sekolah.